

1. Pilih penterjemah kepada bahasa pengaturcaraan.

I. Penterjemah

II. Penghimpun

III. Pengkompil

IV. Pengatur

- A ☐ I, II dan III B ☐ II, III dan IV
C ☐ I, III dan IV D ☐ I, II dan IV

2. Apakah maksud kod arahan?

- A ☐ Kod arahan ialah set tindakan pelaksanaan dalam komputer.
B ☐ Kod arahan ialah cara pemikiran komputasional.
C ☐ Kod arahan ialah satu arahan yang ditulis dalam bahasa komputer.
D ☐ Kod arahan ialah satu algoritma yang ditulis dalam bahasa komputer.

3. Pilih tiga jenis data dalam kod arahan.

I. Nombor

II. Nilai logik

III. Kod segmen

IV. Teks

- A ☐ I, II dan III B ☐ II, III dan IV
C ☐ I, III dan IV D ☐ I, II dan IV

4. Antara berikut, yang manakah **bukan** nombor yang diwakili oleh integer?

- A ☐ -3.5 B ☐ 0
C ☐ 3 D ☐ -3

5. Apakah sintaks bagi double yang digunakan dalam bahasa pengaturcaraan Python?

- A ☐ while B ☐ float
C ☐ double D ☐ int

6. Apakah fungsi round () dalam bahasa pengaturcaraan Python?

- A ☐ Membundarkan nilai perpuluhan
B ☐ Mengisytiharkan pemboleh ubah
C ☐ Membahagi nilai kepada dua tempat perpuluhan
D ☐ Menyatakan nombor integer

7. Pilih aksara yang diwakili oleh jenis data char.

I. int

II. &

III. K

IV. 5

- A ☐ I, II dan III
B ☐ II, III dan IV
C ☐ I, III dan IV
D ☐ I, II dan IV

8. Antara berikut, manakah kod aturcara untuk mewakili nilai string?

- A ☐ nama = str (Ali) B ☐ nama = str ("Ali")
C ☐ nama = str ("Ali) D ☐ nama = str (Ali")

9. Struktur kawalan ini hanya menjalankan atur cara secara linear. Apakah atur cara tersebut?

- A ☐ Struktur kawalan jujukan
B ☐ Struktur kawalan pilihan
C ☐ Struktur kawalan linear
D ☐ Struktur kawalan pilihan bersarang

10. Apakah kegunaan kenyataan if dalam struktur kawalan ulangan?

- A ☐ Bagi menyatakan dua cabang pilihan
B ☐ Bagi menyatakan pilihan pengguna
C ☐ Bagi menyatakan tiga cabang pilihan
D ☐ Bagi menyatakan satu cabang pilihan